



SIARAN MEDIA

RAIKAN KEGEMILANGAN : 18 ORANG WANITA TERIMA WATIKAH PELANTIKAN AHLI – AHLI MAJLIS PENASIHAT DAN PERUDINGAN WANITA (MPPW)

PUTRAJAYA, 24 OGOS– Seramai 18 orang wanita gemilang yang terdiri daripada pelbagai bidang dan kepakaran telah terpilih menerima watikah pelantikan ahli-ahli Majlis Penasihat dan Perundingan Wanita (MPPW) di sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2015 yang dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berkata, "MPPW ini akan memainkan peranan sebagai sebuah badan pemikir, pemantau, dan penilai kepada kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan dasar serta program-program kerajaan di samping memastikan Malaysia sentiasa patuh dan melaksanakan komitmen-komitmen yang telah ditandatangani berkaitan wanita".

Tambah beliau lagi, KPWKM berharap dengan tertubuhnya Majlis Penasihat dan Perundingan wanita ini, dapat menjadi satu platform untuk mengintegrasikan perspektif wanita dalam pelbagai aspek termasuk pakar rujuk untuk penggubalan dasar dan perundangan yang mengkhusus kepada wanita, kesaksamaan gender yang dapat memberi manfaat kepada kumpulan sasar KPWKM.

Majlis turut menyaksikan penganugerahan pelantikan watikah Penyanggah Kursi Kepimpinan Wanita bagi fasa yang kedua kepada YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Rafiah Salim. KPWKM yakin dengan pelantikan ini akan dapat menghasilkan sesuatu yang bakal merubah iklim kepimpinan wanita di Malaysia.

Pada tahun ini, bertemakan "**Raikan Kegemilangan**", Hari Wanita Kebangsaan disambut sebagai platform bagi memberikan pengiktirafan sewajarnya kepada golongan wanita terhadap sumbangan mereka kepada pembangunan Negara di samping sebagai perangsang kepada kaum wanita untuk terus bergiat aktif ke arah pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.

Pada sebelah pagi, satu forum bicara wanita telah diadakan yang bertemakan "Wanita Gemilang Penjana Peradaban Cemerlang" bersama dua (2) orang panel yang terdiri daripada pelbagai bidang iaitu YBrs. Dr. Madeline Berma dan Puan Rozita Ibrahim.

Antara aktiviti-aktiviti lain yang diadakan sempena sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2015 ialah pameran *time tunnel* yang melakarkan keunggulan sejarah wanita di Malaysia serta sejarah penubuhan Kementerian, pameran Suara Anda Tanggungjawab Utama (SATU), pameran daripada agensi kerajaan serta gerai jualan produk daripada usahawan – usahawan wanita yang berjaya.

Turut hadir pada hari ini ialah YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri kepada YAB Perdana Menteri Malaysia, YABhg. Puan Sri Dato' Hajah Jamilah Haji Anu, isteri kepada Ketua Menteri Sarawak, YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta kira- kira 3,000 orang tetamu jemputan.

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 35, Persiaran Perdana
PUTRAJAYA
Tel: 03-8323 1088E-mel: info@kpwkm.gov.my